JOURNAL OF CREATIVE INDUSTRY AND SUSTAINABLE CULTURE

https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jcisc

How to cite this article:
Yusry Sulaiman, Mohd Zulhusni Ab Raoff, & Eko Prayitno Joko . (2026"Punk" dalam kajian penentangan dalam perspektif sejarah dan budaya: kajian literatur. *Journal of Creative Industry and Sustainable Culture, 5,* 198-206. https://doi.org/10.32890/jcisc2026.5.12

"PUNK" DALAM KAJIAN PENENTANGAN DALAM PERSPEKTIF SEJARAH DAN BUDAYA: KAJIAN LITERATUR

LITERATURE STUDY: "PUNK" IN STUDYING OF REBELLIOUS FROM HISTORICAL AND CULTURAL PERSPECTIVE

[1]Yusry Sulaiman, [2]Mohd Zulhusni Ab Raoff, [3]Eko Prayitno Joko

[1,2]Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
[3]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

[1]Corresponding author: yusry.sulaiman@uum.edu.my

Received: 2/7/2026 Revised: 28/9/2026 Accepted: 12/10/2026 Published: 31/10/2026

ABSTRACT

This study examines the punk phenomenon as a form of resistance rooted in modern historical and cultural contexts. Emerging in the West during the mid-1970s, the Punk movement was more than just music or fashion; it served as a critical vehicle against capitalist hegemony, state power structures, and mainstream social norms. From a historical perspective, punk is viewed as a form of protest inherent in society, whether through labor movements, activism, or countercultures. Culturally, punk forms an alternative identity by emphasizing Do-It-Yourself (DIY) principles, freedom of expression, and anti-authoritarianism, creating social spaces that challenge dominant hierarchies. This literature review integrates perspectives from Western and Southeast Asian scholars to evaluate how Punk is not merely a music genre, but a cultural movement that challenges mainstream narratives of power, identity, and freedom.

Keywords: Punk, DIY, Resistance, Music, Identity, and Freedom.

ABSTRAK

Kajian ini melihat kejadian punk sebagai satu gaya bentuk penentangan yang berakar daripada konteks sejarah dan budaya moden. Gerakan Punk yang muncul pada pertengahan 1970-an di Barat bukan sekadar muzik atau fesyen, malahan mencermin wahana kritikal terhadap hegemoni kapitalisme, struktur kuasa negara dan norma sosial arus perdana. Melihat pandangan sejarah, punk dilihat sebagai protes yang telah wujud dalam masyarakat, sama ada bentuk gerak pekerja, aktivisme ataupun budaya penentang. Manakala sudut budaya punk membentuk identiti alternatif dengan menekan prinsip Do it Yourself (DIY), kebebasan ekspresi dan anti kuasa, ini telah melahirkan ruang sosial yang mencabar hierarki dominan. Kajian literatur ini menggabungkan pandangan sarjana barat dan Asia Tenggara untuk menilai bagaimana punk bukan sekadar genre muzik malahan sebuah gerakan budaya yang mencabar naratif arus perdana tentang kuasa, identiti dan kebebasan.

Kata Kunci: Punk, DIY, Penentang, Muzik, Identiti dan Kebebasan

PENGENALAN

Punk adalah satu sub-budaya yang muncul di Barat pada pertengahan 1970-an yang menjadi fenomena global secara mendadak, bukan semata-mata muzik. Punk juga sering dilihat sebagai muzik laju, keras, fesyen unik serta gaya hidup yang berasas penentangan sosial. Tetapi dalam kajian akademik, punk difahami sebagai satu bentuk gaya penentangan budaya terhadap sistem politik, sosial dan ekonomi yang membawa dominan (Moore, 2009; Hebdige, 1979). Sejak kemunculan, punk telah membawa mesej yang jelas menolak kuasa authoritarianisme, menolak kapitalisme dan hegemonisasi budaya yang menjadikan sebahagian daripada naratif sejarah belia. Kawasan Britain punk lahir semasa krisis ekonomi, pengangguran belia serta kekecewaan terhadap kerajaan konservatif (Moore, 2009). Manakala Amerika Syarikat, Punk membawa satu mesej protes pada perang, kapitalisme korporat dan nilai-nilai konservatif (Blush & Petros, 2001). Kumpulan muzik seperti Dead Kennedys dan The Ramones merupakan satu pelopor utama yang berasas penentangan muzik dengan sinis, satira dan radikal. Kejadian ini merebak ke pelbagai wilayah termasuk Asia Tenggara, Eropah Timur dan Asia Timur. Penyebaran tersebut difasilitasi oleh rangkaian media alternatif pengedaran kaset, majalah bawah tanah dan jaringan gig yang merentas sempadan.

Di Eropah Timur, punk menjadi suara protes terhadap rejim komunis, manakala di Jepun dan Korea Selatan ia berfungsi sebagai ruang ekspresi alternatif terhadap budaya moden yang homogen. Dalam konteks Asia Tenggara, punk diterjemahkan dalam kerangka tempatandi Indonesia misalnya, band seperti Marjinal menggunakan muzik punk untuk mengangkat isu kemiskinan, ketidakadilan sosial, dan penindasan politik; manakala di Malaysia, band seperti Carburetor Dung membawa naratif kritis dan satira terhadap autoritarianisme, diskriminasi, serta nilai konservatif yang mendominasi wacana nasional. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun punk berasal dari Barat, ia mampu menyesuaikan diri dengan dinamika sejarah dan budaya setempat tanpa kehilangan semangat asalnya sebagai subkultur penentangan (Hebdige, 1979; Moore, 2009; Blush & Petros, 2001).

Dalam konteks Malaysia, punk mula bertapak sekitar penghujung 1980-an dan berkembang dengan lebih pesat pada 1990-an, seiring dengan kebangkitan muzik bawah tanah (underground). Kolektif seperti Rumah Api di Ampang, Kuala Lumpur, menjadi pusat kepada aktivisme belia yang menekankan prinsip Do-It-Yourself (DIY), solidariti sosial, dan perjuangan menentang politik arus perdana (Tan, 2002). Di Sabah dan Sarawak pula, punk berkembang sebagai satu bentuk ekspresi alternatif yang melibatkan isu-isu marginalisasi wilayah, identiti etnik, serta persoalan pembangunan yang tidak seimbang. Artikel ini bertujuan menganalisis punk sebagai satu bentuk penentangan melalui perspektif sejarah, dengan memberi perhatian khusus kepada konteks Malaysia dan Sabah. Analisis dilakukan berasaskan teori penentangan, kajian subkultur, serta pendekatan wacana budaya bagi memahami bagaimana punk menjadi ruang alternatif untuk menyuarakan ketidakpuasan sosial, politik, dan ekonomi.

Teori dalam Penentangan

Menurut Scott dalam bukunya bertajuk Weapons of the Weak telah menjelaskan iaitu penentangan harian iaitu sebuah bentuk penentangan yang dilakukan oleh golongan dari bawah dalam kehidupan seharian tanpa melibatkan konfrontasi secara terbuka. Dalam Teori ini punk dilihat sebagai bentuk simbolik penentangan sama ada melalui muzik, fesyen, seni jalanan mahupun penerbit dari zini yang mencabar dominasi kapitalisme dan authoritarianisme.

Menurut Dick dalam buku Subculture: The Meaning of Style juga berpandangan sedemikian iaitu gaya sub-budaya adalah berbentuk semiotik iaitu penentangan. Gaya punk seperti rambut, mohawk, Rantau, jaket kulit serta simbol anarki bukan sekadar ekspresi individu malahan bahasa visual yang mencabar nomar budaya arus perdana. Melihat konteks di Malaysia bahawa gaya ini sering ditafsirkan sebagai ancaman terhadap nilai konservatif dan memperkukuh fungsi punk sebagai simbol penentangan sosial.

Dalam budaya penentangan telah menekankan tentang sub-budaya menjadi ruang alternatif dalam budaya menentang hegemoni yang semakin dominan. Punk ini juga sebagai budaya politik yang bukan sekadar hiburan, tetapi ekspressi alternatif bagi belia dengan munculnya identiti tersendiri, solidarity sosial dan ketidakpuashatian (Moore, 2009; Baulch,2007)

Latar Belakang dalam dunia Punk di peringkat antarabangsa

Pada awal 1970-an iaitu berlakunya krisis ekonomi yang menyebabkan kadar pengangguran semakin ramai. Perkara ini telah menimbulkan kemarahan terutama golongan belia serta pihak Kerajaan Britain yang dikuasai oleh Kerajaan Konservatif juga gagal untuk menanganinya seperti dijelaskan oleh Savage (1991). Pada Ketika itu muncul sebuah band yang dikenali seperti The Clash dan Sex Pistol yang menekankan lirik yang anti-establishment, tajam, agresif yang memfokuskan tentang isu kelas pekerja.

Terdapat beberapa band pengaruh besar di Amerika Syarikat yang mengalami American Depression kerana berlakunya rakyat Amerika Syarikat semakin marah dan gelisah. Dengan itu, muncullah band ikonik seperti Ramones dan Dead Kennedys. Melihat album sulung Ramones yang diterbitkan pada 1976 yang memuatkan lagu Blitzkreig Bop dengan memperkenalkan gaya muzik laju, ringkas, pantas dan penuh tenaga dengan mengekspresikan rasa gelisah golongan muda di bandar. Manakala Band Dead Kennedys juga menyalurkan mesej yang lebih bersifat satira politik dan kritikan sosial secara terbuka yang mempunyai album iaitu Fresh Fruit for Rotting Vegetables (1980) dengan lagu California Uber Alles dan Holiday in Cambodia yang mengecam politik domestik dan dasar luar Amerika. Kemunculan Punk di Amerika tidak memfokuskan ruang ekspresi muzik malahan juga dijadikan platform lawan arus (Counter hegemonic) yang berfungsi kritikan struktur kapitalisme korporat serta budaya konsumerisme Perang Dunia Kedua. Perkara ini juga selari dengan protes Perang Vietnam dan dasar luar Amerika yang dianggap terlalu imperialistic buli. Tambahannya dengan protes politik yang sangat berbeza dengan Britain yang lebih dipengaruhi oleh krisis ekonomi domestik (Blush & Petros, 2001).

Melihat punk seperti Poland, Norway, Sweden dan Yugoslavia berfungsi sebagai ruang penentangan terhadap rejim totalitarian yang mengawal hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat. Mengikut dalam politik sistem pemerintahan yang cuba menguasai bukan sahaja politik dan ekonomi serta dalam budaya, seni dengan ekspresi peribadi (Linz, 2000) mengikut konteks asal muzik alternatif seperti punk menjadi satu saluran simbolik bagi generasi muda demi mengeluarkan ekspresi penolakan mereka dengan naratif negara serta menolak dominasi ideologi komunis. Sebagai contoh Dezerter yang mengkritik secara terbuka terhadap kemunadikan negara terutama parti komunis yang melakukan ketidakadilan sosial. Lirik dalam kumpulan Dezerter juga mengalami bahawa parti komunis terasa terancam sehingga pihak berkuasa komunis. Begitu juga band Panktri iaitu band punk pertama di Eropah timur yang menyoal tentang dasar-dasar rejim totalitarian pada Ketika itu. Kritikan yang dilihmai bahawa punk bukan sekadar hiburan tetapi fungsi penting dengan wujudnya praktik budaya yang menentang hegemoni rejim totalitarian. Dengan pembawaan muzik sebagai membina satu wacana alternatif secara bebas dengan anti-kawalan. Sekaligus punk adalah satu alat mikroresistensi dalam pandangan politik di Eropah Timur (Ramet, 1994)

Di Asia Tenggara terutamanya di Malaysia dan Indonesia telah melihat kemunculan punk pada sekitar 1990-an seperti Marjinal dan Burgerkill (Hardcore-punk dan Metal dalam komuniti punk). Marjinal membawa isu ketidakadilan sosial, rakyat miskin, nasib pekerja dan hak asasi manusia dengan menjadikan muzik sebagai satu mesej dan pendidikan tajam di Indonesia bagi setiap gig kecil. Menurut Baulch (2007), semasa di Bali punk menjadi satu ruang identiti dengan digabung pengaruh luar dan tempatan seperti anak muda yang berlaku sehingga kini. Di Malaysia pula, Punk muncul pada sekitar 1990 dengan munculnya kumpulan muzik seperti Carburetor Dung dan Bollocks yang menekankan seperti birokrasi, diskriminasi dan kebebasan bersuara walaupun dipandang negatif dari masyarkat arus perdana yang mengaitkan mereka sebagai masyarakat tidak bermoral. Punk di Malaysia dijadikan sebagai pengaruh anak muda yang menyalurkan suara mereka di luar saluran arus politik perdana. Antaranya seperti Gig, Zine dan wujudnya komuniti DIY berperanan penting sebagai ruang alternatif untuk membina solidarity serta menekankan punk sebagai sebahagian budaya yang

menolak anti-kuasa serta ruang bebas ekspresi

KEGIATAN PUNK DI MALAYSIA

Aktiviti Punk di Malaysia yang muncul lewat sekitar hujung 80an dan awal 90an yang seiring dengan muzik bawah tanah yang pada masa itu dipengaruhi oleh aliran hardcore punk dan punk jalanan (Street punk) dari Barat. Seperti band punk di Malaysia iaitu Carburetor Dung yang ditubuhkan sekitar 1991 dengan berkonsep lirik tentang isu demokrasi, isu ketidak sosial, kritik Kerajaan dan kebebasan bersuara (Tan,2002).antara lagu paling kontroversial iaitu marilah lnyanyi lagu menjilat yang berlaku di Selangor.Kumpulan ini dianggap antara pelopor penting punk di Malaysia kerana keberanian mereka dalam menyuarakan protes melalui muzik, zine serta penglibatan aktif dalam gig bawah tanah. Selain itu band punk di Malaysia The Bollocks turut menyumbang kepada perkembangan sub-budaya ini dengan mengangkat tema penindasan kehidupan kelas pekerja serta identity anak muda urban. Namun band tersebut mendapat kecaman pada pihak berkuasa yang sering dianggap sebagai budaya "subversive" dan bertentang. Komuniti Punk di Malaysia juga mengamalkan dengan Berjaya dengan prinsip Do It Yourself sebagai bentuk penentangan dengan wujudnya rakaman bebas, gig kecil, dan penerbitan zine menjadi wadah demi mengekspresi suara alternatif dengan sekali punk menjadi pertengahan simbolik terhadap struktur sosial dan kuasa politik. Antara tempat yang terkenal di seluruh Malaysia di Pondan Indah Ampang iaitu Rumah Api sebagai ruang pusat aktivisme, gig kecil, pusat rekod (Basement Records). Rumah Api bukan sekadar ruang muzik tetapi sebuah perkumpulan komuniti yang menyatukan belia dariapda pelbagai latar belakang etnik dan kelas sosial yang dijelaskan oleh Tan (2002) dan Shariffah (2016).

Punk membawa perubahan dalam reformasi politik

Pada reformasi 1998 telah memberi kesan besar terhadap perkembangan punk di Malaysia kerana membuka ruang sub-budaya ini untuk tampi sebagai sebahagian daripada wadah politik alternatif. Pada Ketika Masyarakat awam sedang menghadapi kejatuhan ekonomi dan wujudnya penentangan terhadap pemerintahan authoritarian, komuniti punk memanfaatkan medium kreatif seperti lirik lagu, zine dan poster untuk membantahkan benda yang tidak betul. Antara tema yang ditekankan terhadap penentangan rasuah, penyalahguna kuasa, penindas kelas pekerja serta keterbatasan kebebasan bersuara yang menjadikan komuniti punk sebagai suara tandingan kepada hegemoni politik arus perdana yang dijelaskan oleh Tan (2002).

Dalam kejadian ini menunjukkan bahawa punk bukan sekadar berfungsi sebagai bentuk hiburan atau ekspresi gaya hidup malahan memainkan peranan sebagai alat mobilisasi politik dan kesedaran sosial. Sebagai contoh gig bawah tanah yang dianjurkan menjadi ruang alternatif bagi generasi muda untuk mengartikulasi rasa tidak puas hati terhadap sistem sedia ada, sekali gus menghubungkan elemen muzik dengan bentuk aktivisme jalanan. Namun keterlibatan punk dalam gelombang reformasi kian menjadi satu halangan termasuk Tindakan keras apabila pihak para polis menjadikan satu stigma media arus perdana yang melabelkan punk sebagai budaya liar atau songsa serta marginalisasi daripada wacana politik formal (harper, 2011).

Melihat Analisa kejadian ini menunjukkan bahawa punk bukan sekadar berfungsi untuk hibunran malahan kebebasan ekspresi gaya hidup akan tetapi memainkan peranan sebagai alat bebas bersuara. Jika kita lihat sudut realiti bahawa melihat kadar kuasa dinamik antara negara dan budaya belia iaitu punk berfungsi sebagai medan simbolik bagi perlawanan terhadap otoritarianisme. Walaubagaimanapun pada masa yang keal tentetan terhadap penindasan institusi. Oleh itu era reformasi bukan saha memperlihatkan kelangsungan subkultur punk di Malaysia sambil menjaga keabsahan kedudukan rakyat sebagai dalam ekologi politik belia yang lebih kompleks.

Punk di Asia Tenggara Malaysia dan Indonesia

Indonesia

Kemunculan punk di Indonesia dapat dilihat pada akhir 1980-an hingga awal 1990 di bandar besar seperti

Jakarta, Bandung dan Yogyakarta. Pada mulanya ianya terpengaruh dengan kumpulan muzik seperti The Ramones dan Sex Pistol apabila komuniti terbentuk identiti tempatan. Bandung selalu digelar kota punk kerana kepadatan gig bawah tanah, distorsi dan kolektif DIY yang melahirkan kumpulan muzik terkenal seperti Burgerkill, Superman is Dead, Marjinal dari Jakarta.

Gig di Indonesia bukan sekadar acara muzik tetapi sebagai medium mobilisasi sosial. Gig di ruang alternatif seperti gudang, kampung bandar dan distro berfungsi sebagai ruang ekspresi politik serta tempat membina solidarity kelas pekerja band seperti marjinal sering gig untuk menyampaikan mesej kritikan terhadap kapitalisme, kemiskinan dan ketidakadilan negara.

Selain gig dalam zine punk di Indonesia memainkan peanan penting dalam menyebarkan ideologi DIY, anti authoritarianisme dan solidarity zine untuk berfungsi sebagai media alternatif yang mencabar hegemoni, media arus perdana. Penerbitan ini diedarkan di gig, distori dan jaringan anatrabangsa memperlihatkan bagaimana punk Indonesia dalam rangka komunikasi bawah tanah

Malaysia

Melihat punk di Malaysia sekitar akhir 1980 dan berkembang pada 1990 di bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang antara band terawal ialah seperti Carburetor Dung, The Bollock, The Pilgrims dan sebagainya. Manakala ACAB pula membawa subgenre streetpunk atau Oi yang kuat pengaruhi identity anak muda bandar. Carburetor Dung terutamanya menjadi ikon keranan lirik-lirik mereka yang lantang dan satira mempersoalkan isu sosial serta politik Malaysia.

Seperti Gig di bawah tanah selalu berlangsung di ruang alternatif seperti dewan kecil, rumah atas kedai, Gudang atau paling ikonik seperti Rumah Api, Noise Cave, Ruas (Penang) Soundmaker (penang) Moutou dan Drum Asia di Kuala Lumpur. Seperti Rumah Api bukan sahaja ruang gig malahan menjadi pusat pertemuan komuniti punk dan hardcore yang merupakan pusat penerbitan rekod seperti Basement Record serta markas muzik yang merupakan simbolik budaya bawah tanah Malaysia sehingga Kini.

Dalam aspek media Zine DIY seperti Thrashout Zine juga memainkan peranan penting dengan gig untuk mengetahui kugiran tempatan. Selain itu Ricecooker juga antara penerbitan tempatan yang masih dilakukan serta fungsi arkib seperti Joe Kidd iaitu pemain gitar kugiran Carburetor Dung. Fungsi Zine ini berfunsgi bukan sekadar hiburan tetapi sebagai liputan serta ulasan muzik yang menjadi ruang perbincangan politik, budaya dan ideologi. Zine yang lain muncul pada 1990 sehingga 2000 memperlihatkan kreativiti anak muda Malaysia dalam membina wanca alternatif terhadap dominasi media arus perdana.

Perbandingan Kritikal dalam tersirat dan nasionalisme dari bawah Tanah

Dalam konteks bawah tanah di Malaysia seperti Gig muzik punk tidak berkembang sebagai ruang penentangan terbuka berskala besar seperti Indonesia, akan tetapi juga berfungsi sebagai ruang mikro solidarity sosial. Kajian lapangan seperti Rumah Api Ampang, Kuala Lumpur dan Ruas, Pulau Pinang juga menunjukkan bahawa kebanyakkan acara dianjurkan secara tertutup secara berskala kecil dan berasaskan rangkaian kepercayaan sesame komuniti. Keadaan ini sering berkait rapat dengan keperluan permit hiburan, kawalan institusi terhadap acara awam serta stigma politik terhadap budaya belia alternatif. Namun begitu, berlaku keterbatasan skala tidak menafikan fungsi politik gig tersebut yang merupakan pusat pertukaran idea, pengukuhan identity kolektif dan pemeliharaan subkultur memori. Oleh itu gig bawah tanah boleh difahami sebagai ruang awam alternatif secara terhad ia selari dengan berjuha bahawa masyarkat sivil di Malaysia sering bergerak melalui bentuk ekspresi tidak formal dan berskala kecil.

Penggunaan zine radikal di Malaysia yang lebih memfokuskan menggunakan Bahasa ideologi kiri secara langsung, zine juga berlaku di bawah tanah di Malaysia yang melihat pendekatan yang lebih kontekstual dan berhati-hati. Kalua kita lihat ThrashOut Zine, Terajang Kata dan seumpamanya menunjukkan beberapa ciri utama. Antarnya iaitu kandungan bercampur antara ulasan muzik, esei ringkas, solidariti dan kartun gelap. Zine

ini juga mempunyai kritik kepada authoritarianisme, nasionalisme kosong dna ketidakseimbangan sosial disampaikan melalui sindiran budaya dan bukan slogan politik. Biasanya zine juga menggunakan Bahasa pasar dan symbol harian rakyat biasa. Pendekatan zine ini mencerminkan satu Langkah yang boleh ditafsirkan sebagai "politik implisit" iaitu satu bentuk kritik yang disesuaikan mengikut paradigma wacana di Malaysia. Dalam konteks budaya, zine juga berfungsi sebagai teks budaya pinggiran yang mencerminkan suara tidak rasmi masyarakat bandar bawahan dan belia kelas pekerja.

Identiti subkultur punk di Malaysia tidak berkemebang sebagai Gerakan aktivisme politik langsung malahan sebagai satu kritikan budaya yang bersifat sinis dan simbolik. Band seperti Carburetor Dung salah satu contoh penting kontek ini. Antara lirik dalam band Carburetor Dung iaitu penggunaan Bahasa Melayu pasar sebagai bentuk penegasan kelas dan keakraban sosial, seperti kritik terhadap wacana nasionalisme rasmi, birokrasi dan autoriti melalui ironi dan parodi. Ini juga mempunyai idea penolakan terhadap politik elitis tanpa menampilkan manifesto ideologi formal.

Kaedah pendekatan ini selari dengan realiti politik Malaysia di zaman ekspresi politik yang terlalu terang berisiko dikekang. Oleh itu, Punk Malaysia membentuk apa yang boleh ditakrifkan sebagai "kritik Nasionalisme dari bawah" salah satu cara iaitu penyoalan terhadap makna kewarganegaraaan patriotisme dan suara rakyat menjadi budaya popular.

Dalam subkultur punk tidak hanya melihat dalam budaya muzik tetapi melihat dalam satu bentuk mekanisme seperti artikulasi politik yang tidak formal yang merupakan satu medium utama dalam pembentukan terhadap kesedaran kelas dan budaya yang berlaku di Malaysia. Ini melahirkan terhadap rakyat yang sedar dalam bentuk respon kreatif dalam bentuk struktur kausa yang berlapis. Kaedah ini telah melahirkan berbeza pendapat dengan model penentangan terbuka di negara jiran pengalaman di Malaysia yang dapat memperlihatkan bahwa politik budaya dapat dilihat bergerak secara tersirat serta berlapik, akan tetapi signifikan dalam membentuk wacana alternatif bagi peringkat asas dari akar umbi.

Secara tuntas, subkultur punk di Malaysia tidak boleh difahami semata-mata sebagai ekspresi muzik atau gaya hidup belia. Dalam kajian budaya adalah satu cara penting bagi memahami dalam bentuk tidak formal. Ini juga melahirkan bentuk kesedaran budaya dan penciptaan ruang wacana alternatif di peringkat asal. Walaupun bersifat kecil dan berlapik, ini adalah satu praktik budaya ini tetap menyumbang kepada dinamika masyarakat awal di Malaysia dengan cara yang unik dan kontekstual. Ini melahirkan penegasan bahawa politik di Malaysia tidak hanya beroperasi dalam pusat institusi dan pilihan raya terutama dalam ruang budaya harian yang selalu terpinggir daripada perhatian arus perdana.

Analisis dalam budaya punk

Dalam analisis budaya ini lebih memfokuskan tentang symbol, bahasa dan amalan sosial yang berfungsi membina makna serta membentuk kesadaran kolektif dalam masyarakat. Dalam konteks punk di Malaysia, wacana ini dapat difahami sebagai satu wacana kontra-hegemoni iaitu satu idea, ekspresi dan praktik budaya yang mencabar nilai dominan negara, kapitalisme dan budaya arus perdana. Punk tidak sekadar hadir sebagai genre muzik malahan sebagai ruang waccan alternatif yang menggabungkan gabung gaya hidup DIY serta pembinaan komuniti autonomi.

Melihat dalam konteks bahasa dan lirik, punk Malaysia memainkan peranan penting sebagai medium utama terhadap ketidakpuas hati sosial. Segala lirik lagu punk sering ditulis dalam bahasa langsung, kasar dan sarat sindiran. Tujuan ini adalah demi meruntuhkan ilusi ketidakadilan kelas menjadi tema berulang. Sebagai kajian kes utama band Sarjan Hassan, Berantakan dan Carburetor Dung menggunakan lirik sebagai bentuk wacana politik yang menegaskan demokrasi dan kebebasan suara. Lagu mereka boleh dibaca sebagai teks budaya yang menghasilkan makna penentangan di mana bahasa berfungsi bukan sahaja untuk menyampaikan mesej, tetapi untuk membina identiti kolektif sebagai warga yang krtikal terhadap kuasa.

Selain dari lirik, simbol dan gaya dalam kehidupan punk juga mengamalkan seperti pakaian lusuh, tampalan DIY, poster fotostat dan visual zine adlaahs atu Langkah daripada wacana budaya. Symbol ini juga menolak daripada estetika kemewahan dan profesionalisme industry budaya arus perdana, sekali gus mengangkat nilai kesederhanaan, kejujuran dan penolakan terhadap komodifikasi. Dalam konteks Malaysia yang kuat dengan kawalan norma dan sensitivity politik, gaya punk menjadi bentuk komunikasi simbolaki yang menyatakan ketidakpatuhan tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada Bahasa formal.

Wacana budaya punk juga jelas dapat dianalisis melalui ruang dan komuniti iaitu gig bawah tanah, zine dan ruang kolektif berfunsgi sebagai ruang tentangan iaitu ruang sosial yang boleh membincangkan wanca alternatif diedarkan. Di Kawasan Kuala Lumpur seperti Rumah api bukan sekadar Lokasi fizikal malahan jadi pusat budaya tidak rasmi yang menghubungkan muzik, seni visual, diskusi politik dan aktivisme komuniti. Melalui penganjuran gig, bengkel zine dan jaringan solidarity, ruang ini menentang logic industri muzik komersial yang berasaskan keuntungan.

Kajian kes di Kuala Lumpur memperlihatkan dimensi yang lebih berlapis dalam wacana punk Malaysia. Gig komuniti dan jaringan punk di Kuala Lumpur sering berkomuniti, namun tetap memainkan peranan penting sebagai ruang ekspresi politik dan identiti tempatan. Dalam konteks pinggiran ekonomi punk di Kuala Lumpur menjadi medium untuk menyuarakan pengalaman marginalisasi, ketidakadilan pembangunan dan rasa terpinggir daripada pusat kuasa. Disini wacana punk bukan sahaja melawan kapitalisme global tetapi juga mencabar ketidakseimbangan pusat pinggiran struktur nasional.

Kesemua praktik ini disatukan oleh wacana DIY yang merupakan teras ideologi punk. DIY bukan sekadar kaedah penghasilan muzik atau pengajuran acara tetapi satu wacana budaya yang menolak autoriti institusi dan kebergantungan kepada pasaran. Melalui DIY, komuniti membina makna kebebasan, solidariti dan autonomi secara praktikal iaitu mengurus gig sendiri, menerbitkan zine sendiri dan membentuk jaringan tanpa hierarki. Wacana ini membuktikan bahawa budaya boleh dihasilkan dari bawah, tanpa perlu pengesahan daripada kuasa politik atau ekonomi.

Secara keseluruhannya, kajian kes punk di Malaysia menunjukkan bahawa punk berfungsi sebagai wacana budaya yang tersusun walaupun kelihatan bersifat anarki. Melalui bahasa dan lirik yang kritikal, simbol dan gaya menolak norma, serta ruang komuniti yang autonomi, punk membina makna sosial yang mencabar hegemoni budaya dominan. Ia menawarkan imajinasi sosial alternatif bahawa kebebasan bersuara, keadilan sosial dan solidariti boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian ia bukan sekadar dilaungkan dalam wacana rasmi.

Kesan dalam Akademik

Kajian punk dalam perspektif sejarah dan wacana budaya di Malaysia menunjukkan bahawa subkultur ini perlu difahami sebagai sebahagian naratif penetangan sosial, ia bukanya fenomena pinggiran yang terpisah daripada sejarah nasional. Punk muncul sebagai medan perjuangan simbolik yang membolehkan belia mengekspresikan ketidakpuasan terhadap dominasi politik, ekonomi dan budaya melalui bahasa, gaya hidup serta organisasi komuniti yang bersifat alternatif. Dalam hal ini muzik punk, lirik, zine dan gig berfungsi sebagai dokumen sejarah yang tidak rasmi yang merekodkan suara belia yang jarang diwakili dalam wacana arus perdana.

Dalam konteks Malaysia, kajian kes menunjukkan bahawa punk berperanan penting dalam membentuk kesedaran politik dan sosial belia bandar dan pinggiran. Kumpulan muzik seperti Sarjan Hassan memperlihatkan bagaimana lirik punk menjadi wahana kritikan terbuka terhadap isu demokrasi, kebebasan bersuara dan ketidakadilan struktur. Dari sudut historiografi, teks lirik dan praktik muzik ini boleh dilihat sebagai sumber primer yang mencerminkan respon belia terhadap iklim politik selepas 1990-an terutama dalam era peningkatan kawalan wacana dan komersialisasi budaya.

Lebih jelas bahawa kajian di Malaysia menonjolkan dimensi punk sebagai ruang ekspresi bagi golongan belia marjinal yang berhadapan dengan isu keterpinggiran ekonomi, ketidakseimbangan pembangunan dan hubungan pusat pinggiran gig komuniti berskala kecil, penghasilan zine tempatan dan jaringan solidariti punk di Malaysia bukan sekadar aktiviti budaya tetapi satu belia tempatan membina identiti kolektif yang menentang naratif pembangunan dominan serta menyuarakan pengalaman hidup yang sering terpinggir daripada sejarah rasmi negara.

Dari sudut institusi budaya, kewujudan ruang kolektif seperti Rumah Api memperkukuhkan hujah bahawa punk membentuk ruang kontra hegemonik yang berfungsi sebagai tapak produksi wacana alternatif. Ruang ini menggabungkan muzik, seni visual, dikusi politik dan aktivisme komuniti, sekaligus memperlihatkan bagaimana budaya beliau boleh beroperasi di luar kerangka pasaran dan kawalan institusi negara. Dalam analisi akademik ruang ini boleh ditafsir sebagai institusi sosial yang tidak formal yang menyumbang kepada pembentukan kesedaran sivik belia.

Kesan dalam akademiknya, kajian punk membuka ruang baru dalam historiografi Malaysia terutama dalam bidang sejarah sosial, sejarah budaya dan politik belia. Ia melihat satu cabaran pendekatan sejarah yang terlalu berfokus kepada elit politik dan institusi formal dengan mengangkat suara belia, komuniti bawah tanah dan praktik budaya sebagai sumber sah sejarah. Dengan demikian punk membantu memperluas pemahaman tentang bagaimana penentangan sosial dan pembentukan identiti berlaku di peringkat akar umbi serta bagaimana belia Malaysia dapat menghasilkan makna, solidarity dan imaginasi politik mereka sendiri dalam menghadapi dominasi struktur yang lebih besar.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Punk di Malaysia bukan sekadar atau hiburan, tetapi satu wacana budaya dan ruang penentangan sosial yang membolehkan belia menyuarakan ketidakpuasan, membina identiti dan membentuk solidarity. Melalui lirik kritikal, praktik DIy serta ruang komuniti seperti gig dan kolektif. Punk mempunyai cabaran dalam bentuk hegemoni politik, ekonomi dan budaya arus perdana. Dalam Malaysia dan Indonesia Punk lebih memfokuskan berfungsi sebagai ruangan alternatif bagi belia marjinal untuk mengkespresikan penglaman keterpinggiran. Secara akademik, kajian punk memperkaya historiografi Malaysia dengan mengangkat suara belia dan budaya tanah sebagai sebahagian penting Sejarah sosial dan budaya negara.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Semua pengarang menyumbang kepada konsep dan reka bentuk kajian. Penyediaan bahan, pengumpulan data, dan analisis telah dilaksanakan oleh semua pengarang.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh didapati daripada pengarang berpenulis (corresponding author) atas permintaan yang munasabah.

PERNYATAAN ETIKA

Kebenaran termaklum telah diperoleh daripada semua peserta individu yang terlibat dalam kajian ini.

RUJUKAN

Baulch, E. (2007). Making scenes: Reggae, punk, and death metal in 1990s Bali. Duke University Press.

Blush, S., & Petros, G. (2001). American hardcore: A tribal history. Feral House.

Hebdige, D. (1979). Subculture: The meaning of style. Routledge.

Moore, R. (2009). Sells like teen spirit: Music, youth culture, and social crisis. New York University Press.

Ramet, S. P. (1994). Rocking the state: Rock music and politics in Eastern Europe and Russia. Westview Press.

Savage, J. (1991). England's dreaming: Anarchy, sex pistols, punk rock, and beyond. Faber and Faber.

Scott, J. C. (1985). Weapons of the weak: Everyday forms of peasant resistance. Yale University Press.

Tan, S. B. (2002). The sound of resistance: Underground music and subculture in Malaysia. Inter-Asia Cultural Studies, 3(2), 265–272. https://doi.org/10.1080/1464937022000000190

Wallach, J., & Clinton, E. (2013). Indonesia and popular music: Sounding out the nation. Routledge.

Tan, S. B. (2002). Popular music in Malaysia: Education, entertainment, and cultural identity. Asian Music, 34(1), 123–138.

Harper, T. N. (2011). The end of empire and the making of Malaya. Cambridge University Press. (bab berkaitan budaya muda & subkultur boleh dipetik untuk konteks)

Wallach, J. (2008). Modern noise, fluid genres: Popular music in Indonesia, 1997–2001. University of Wisconsin Press. (untuk perbandingan dengan Indonesia).